



Kementerian Kesihatan Malaysia,  
Aras 13, Blok E7, Parcel E,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan  
Persekutuan,  
62590 Putrajaya

Tel : 603-88832511  
Faks : 603-88886188

## **KENYATAAN AKHBAR KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**

### **SITUASI SEMASA INFLUENZA A (H1N1) 21 APRIL 2010**

Sehingga jam 8:00 pagi pada 21 April 2010, Kementerian telah menerima sejumlah enam (6) laporan kejadian kluster ILI daripada dua (2) buah negeri seperti di **Lampiran 1q**

Sementara itu, sehingga jam 5:30 petang 20 April 2010, sejumlah 75 kes disahkan Influenza A(H1N1) dilaporkan menjadikan jumlah terkumpul kes adalah 13,274. Jumlah kes ILI yang masih dirawat di dalam wad di seluruh negara adalah sebanyak 624 kes. Daripada jumlah tersebut, 85 kes (13.6%) telah disahkan positif influenza A(H1N1). Bilangan yang dirawat di ICU adalah 11 kes di mana lapan (8) daripadanya mempunyai faktor-faktor risiko. Tiada laporan kematian yang diterima semalam.

Kementerian Kesihatan ingin terus mengingatkan masyarakat bahawa penularan jangkitan Influenza A(H1N1) terus aktif di dalam komuniti. Masyarakat perlu sentiasa mengamalkan langkah-langkah pencegahan yang telah dihebahkan sebelum ini. Orang awam yang mempunyai faktor risiko seperti ibu hamil, menghadapi penyakit kronik seperti asma, diabetes, buah pinggang, jantung dan lain-lain, harus segera mendapatkan pelalian vaksin A(H1N1) di 104 fasiliti Kementerian seluruh negara. Hasil pemantauan pemberian vaksinasi oleh Kementerian Kesihatan mendapati vaksin ini adalah selamat tanpa sebarang kesan sampingan yang serius. Maklumat lanjut berkenaan influenza A(H1N1) boleh didapati dengan melayari laman sesawang Kementerian Kesihatan di <http://h1n1.moh.gov.my> atau menghubungi hotline Kementerian Kesihatan di talian 03-88810200/0300.

Sekian dan terima kasih.

**TAN SRI DATO' SERI DR. HJ. MOHD. ISMAIL BIN MERICAN**

Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia

Tarikh: 21 April 2010

'Lampiran 1'

**Senarai Laporan Kejadian Kluster *Influenza-Like Illness* (ILI) Yang Diterima Oleh Kementerian Kesihatan Malaysia, Sehingga 8:00 Pagi Pada 21 April 2010**

Bil.	Institusi	Bil. terdedah	Bil. Kes ILI di dalam kluster	Keputusan Sampel Positif H1N1	Tindakan diambil
1	SMK (P) Sri Aman, Seksyen 14, Petaling Jaya, Selangor	1211 orang	2 orang	1 sampel positif H1N1	1 kes dimasukkan ke hospital swasta, 2 diberi rawatan antiviral
2	Keluarga di 53, Jalan Teratai 3, Taman Tasik Teratai, Serendah, Selangor	6 orang	3 orang	2 sampel positif H1N1	3 diberi rawatan antiviral sebagai pesakit luar
3	Keluarga di KM 19, Jalan Chinchin, Jasin, Melaka	4 orang	2 orang	Menunggu keputusan	1 diberi rawatan antiviral sebagai pesakit luar
4	Keluarga di GD 116-A, Batu 17 ½ Kg Ganun, Alor Gajah, Melaka	12 orang	4 orang	4 sampel positif H1N1	8 diberi rawatan antiviral sebagai pesakit luar
5	SRJK (T) Ladang Bukit Kajang, Jasin, Melaka	127 orang	11 orang	Menunggu keputusan	11 diberi rawatan antiviral sebagai pesakit luar
6	Kilang Plastik V Sdn Bhd Lot 8595 Kg Air Hitam, Bt. 6 ½ Jln Langat, Klang, Selangor	245 orang	41 orang	Menunggu keputusan	Semua diberi rawatan simtomatik sebagai pesakit luar